

**UCAPAN
YBHG. DATO' DR. SITI NORLASIAH ISMAIL
KETUA PENGARAH
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA
SOFT LAUNCH COUNTDOWN 100 HARI
50 TAHUN LPPKN**

**1 MAC 2016
LOBI LPPKN**

BISMILLAHIRAHMANI RAHIM
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH
SELAMAT PETANG DAN SALAM 1MALAYSIA

Terima kasih kepada pengacara majlis,

YBrs. Tuan Haji Abdul Shukur Abdullah
TKP(D)

YBrs. Dr. Anjli Doshi
TKP(P)

YBrs. Dr Dolly Amy
Pengarah Sektor Teknologi Maklumat

Pengarah-Pengarah Sektor, Ketua-ketua Unit,

Pegawai-pegawai dan semua warga LPPKN Ibu pejabat dan WPKL.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan izinNya, kita dapat bersama di majlis *Soft-launch Countdown* Sambutan 50 tahun LPPKN pada petang ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sidang hadirin sekalian,

Sebagai Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara saya merasa bangga kerana LPPKN, sepanjang lima

dekad penubuhannya, telah berjaya memainkan peranannya dalam menasihati kerajaan dalam membina keluarga sejahtera. Peranan ini dimainkan melalui pelaksanaan program dan aktiviti kajian demografi keluarga dengan memfokuskan kepada aspek kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia.

Pelbagai cabaran dan rintangan telah dilalui sepanjang 50 Tahun dan kita perlu terus berusaha dan berganding bahu dalam menjadikan LPPKN sebagai Organisasi Kecemerlangan Penduduk dan Keluarga. Setiap detik sebelum menjelang Sambutan Ulang Tahun LPPKN amat bermakna bagi setiap warga LPPKN. Ini adalah *moment* yang dinantikan. Jadikan ia sebagai *turning point* untuk mengubah persepsi masyarakat di luar sana bahawa LPPKN masih relevan dan akan tetap terus berdiri teguh.

Sepanjang tahun 2016, pelbagai aktiviti dan program telah diaturkan untuk dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat dan juga LPPKN Negeri. Setiap detik kenangan aktiviti dan program ini akan dirakam dan dimemorikan dalam *Coffee Table Book 50 Tahun LPPKN*. Turut dimuatkan juga pencapaian serta kejayaan-kejayaan LPPKN sepanjang 50 Tahun sebagai badan berkanun. Saya turut dimaklumkan oleh UKK, bahawa di LPPKN Negeri juga telah mula mewujudkan sudut bagi sambutan 50 tahun ini dengan mempamerkan pelbagai nostalgia LPPKN peringkat Negeri. Alhamdulillah dan tahniah.

Tuan-tuan dan Puan-puan sidang hadirin sekalian,

Untuk makluman semua, kita baru sahaja selesai mengadakan pelancaran Penemuan Utama Kajian Penduduk dan Keluarga ke Lima di

Shangri-la, Putrajaya baru-baru ini. Laporan Penemuan Utama KPKM-5 yang dihasilkan ini merupakan dokumen yang memberikan gambaran kepada kita mengenai senario masyarakat mutakhir kini terutamanya dalam aspek penduduk dan keluarga. Apa yang diharapkan ialah penemuan ini menjadi inti pati utama kepada penggubal dasar, perancang dan pelaksana program dalam merangka dan membangun program intervensi yang bersesuaian. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa banyak lagi yang perlu kita lakukan dan tugas mengarusperdanakan keluarga bukan satu tugas yang mudah.

Pengarah-pengarah Sektor, Ketua-ketua Unit dan semua Pegawai LPPKN, janganlah takut untuk *develop talent-talent leadership* di bawah tuan-tuan/puan-puan. Memetik kata-kata **Benjamin Fraklin** “***Tell me and I forgot, teach me and I may remember, involve me and I learn***”.

Satu contoh ingin dikongsi, mengenai **Tim Cooks** yang dilantik menjadi CEO Apple selepas Steve Jobs berhenti atas faktor kesihatan pada Ogos 2011. Beliau telah di *grooming* oleh Steve Job dan pernah ditanya semasa temubual Business Week, jawapan Steve Job kepada Tim Cooks adalah “ ***I want to make it clear, I saw what happened when Walt Disney passed away. People looked around, and they kept asking what Walt would have done. The business was paralyzed in the process..... I never want you to ask what I would have done. Just do whats right***”. Jawapan ini telah menunjukkan kebijaksanaan Steve Jobs dan mengapa Apple kini antara syarikat yang berjaya di dunia. Begitu juga lah dengan kita di LPPKN ini, jika kita sebagai ketua tidak *develop* orang-orang yang berada di bawah kita, mungkin nasib kita sama seperti empayar Disney tetapi jika sebaliknya kita mungkin

menjadi seperti 'APPLE' di masa akan datang. Sama-sama kita ambil ikhtibar dari kisah tersebut.

Akhir kata saya menyeru semua warga LPPKN untuk terus memberikan kerjasama serta penglibatan dalam aktiviti dan program LPPKN yang telah dirancang. Dengan lafaz bismilahirahmanirrahim, saya merasmikan **Countdown 100 hari menuju ke detik Sambutan Jubli Emas 50 Tahun LPPKN dalam Membina Keluarga Sejahtera.**

Terima kasih dan Wabillahi Taufiq, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.